

Cara Malaysia tangani pengganas lebih berkesan

NEW YORK, Selasa – Malaysia berupaya menangani ancaman pengganas sehingga kini dan percaya dapat melakukan yang sama pada masa depan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Malah, kata Perdana Menteri, Malaysia juga percaya dengan kemampuannya untuk membantu mana-mana negara dalam menangani keganasan moden.

“Malaysia boleh mendakwa mengetahui bagaimana untuk menghadapi ancaman pengganas.

“Saya yakin pendekatan kami lebih berkemungkinan untuk berjaya berbanding penggunaan kekuatan semata-mata sekarang,” katanya ketika menyampaikan ucapan bertajuk ‘Keganasan, Islam dan Tindak Balas Malaysia’ pada majlis makan malam anjuran Asia Society di sini, malam tadi.

Dr Mahathir berkata, langkah berwaspada Malaysia menangani mereka yang berkemungkinan menjadi pengganas, termasuk pelajar Islamnya yang menuntut di Pakistan dan dilatih Taliban dan pengikut Osama bin Laden, mendapat sokongan majoriti rakyat.

“Kami tidak memerlukan bantuan atau campur tangan asing. Kami berupaya menangani sebarang kemungkinan.

“Parti pembangkang, Pas, menyedari perkara ini dan mereka tidak mungkin menyokong kekejaman.

“Bagaimanapun, jika melanggar undang-undang, hakikat bahawa mereka di pihak pembangkang tidak akan menghalang kerajaan untuk menguatkuasakan undang-undang ke atas mereka,” katanya.

Perdana Menteri turut menyorot pengalaman Malaysia selama 42 tahun memerangi gerila komunis yang akhirnya ditundukkan bukan melalui tindakan ketenteraan tetapi dengan memenangi hati dan fikiran orang ramai yang menyokong pengganas berkenaan.

Pengganas hari ini, katanya, bukan lagi di kalangan golongan tidak berpelajaran yang mengikut arahan ketua mereka yang berniat jahat, sebaliknya berpendidikan, berharta serta memiliki isteri dan keluarga untuk disara.

“Kami juga tahu mereka yang kami gelar pengganas mungkin dianggap pejuang kebebasan orang lain.

“Bagaimanapun, meledakkan bom di tempat awam hingga mengorbankan mereka yang tidak bersalah, menahan tebusan serta meracuni makanan, ubat-ubatan dan bekalan air tidak boleh sama sekali diterima,” katanya.